

Gerai boleh lipat **jimat ruang**

Harian Metro
19/6/2015
mls 4

■ GreeNomad Smart Stall dibangun MPSepang mudah dibawa dengan kereta ke mana saja

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

Selangor

Boleh dilipat dan menjimatkan ruang, malah sangat mudah dibawa ke tapak perniagaan selain muat jika dimasukkan ke dalam kenderaan bersaiz kecil.

Itu antara kelebihan konsep gerai 'GreeNomad Smart Stall' yang dibangunkan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dengan kerjasama syarikat Thinking Green Sdn Bhd.

Yang Dipertua MPSepang Puasa Md Taib berkata, idea menghasilkan gerai berkenaan diutarakan anggota penguatkuasa MPSepang selepas mereka berhadapan kesukaran mengangkut gerai terbiar ketika operasi dijalankan di sekitar daerah Sepang.

Menurutnya, penghasilan bermula dengan konsep gerai 'Smart Stall' dan seterusnya ditambah baik sehingga berjaya menghasilkan 'GreeNomad Smart Stall'.

"Konsep gerai yang dihasilkan ini melalui tiga peringkat dan kita menambah baik rekaannya untuk kemudahan peniaga.

"Memandangkan konsep gerai ini banyak manfaatnya kepada peniaga, kami turut membawa idea berkenaan ketika program bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Ke-



FAKTA
GreeNomad
Smart Stall
dipasarkan pada
harga RM4,000

PUASA (kiri) memperkenalkan gerai GreeNomad Smart Stall yang dilengkapi tenaga solar, tong kitar semula minyak masak terpakai dan 'usb port' untuk mengecas telefon bimbit pada Majlis Taklimat Penyampaian Insentif Kepada Peniaga Bulan Ramadan di Dewan Orang Ramai Sepang.

rajaan Tempatan," katanya pada sidang media Majlis Penyampaian Insentif Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik dan Bekas Polisterin Di Pasar Ramadan, di sini, baru-baru ini.

Puasa berkata, idea menghasilkan produk terbaru itu

bermula tahun lalu, namun dipasarkan kepada peniaga bermula tahun ini.

Katanya, ia turut mendapat permintaan mengalakkan, malah sudah digunakan peniaga di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Kuching, Sarawak.

"Antara keistimewaan ge-

rai berkenaan ialah dibangunkan dengan saiz 1.67 meter persegi dan dihasilkan menggunakan peralatan yang boleh dibuka dengan mudah untuk dimasukkan ke dalam kereta.

"Selain itu, ia turut menggunakan tenaga solar, mempunyai ruang tong kitar se-

mula minyak masak terpakai dan juga kemudahan 'USB port' untuk mengecas telefon bimbit," katanya.

Menurutnya, gerai itu juga mempunyai kemudahan lampu LED dan penghadang bagi menghalang tempas hujan.

GreeNomad Smart Stall di-

pasarkan pada harga RM4,000 dan peniaga yang berminat boleh mendapatkannya dengan menghubungi Bahagian Kawalan Kualiti, Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat MPSepang di talian 03-83190200/300 dengan sambungan 711 atau 714.